

# PENGGUNAAN STRATEGI MEMBACA DAN MENULIS OLEH PELAJAR CEMERLANG DAN PELAJAR LEMAH DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Zamri Mahamod

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu (BM) di dalam kelas. Seramai empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah dipilih oleh guru kanan mata pelajaran, guru panitia BM dan guru kelas untuk dijadikan peserta kajian. Kajian “*multicase single site*” ini menggunakan protokol temu bual yang berkaitan dengan kemahiran membaca dan menulis. Data temu bual dianalisis untuk mengenal pasti tema atau pola yang kerap ditemukan dalam transkrip temu bual tersebut menggunakan analisis indeks Cohen Kappa bagi mendapatkan kebolehpercayaan unit-unit analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak SPB berbanding dengan pelajar lemah untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis. Namun demikian, terdapat beberapa tema SPB yang dilaporkan sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM. Tema aktiviti bahasa dan penghayatan agama didapati hanya digunakan oleh pelajar cemerlang sahaja. Tegasnya, terdapat perbezaan SPB yang dilaporkan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah di dalam kelas, sama ada dalam kemahiran membaca maupun kemahiran menulis.

## Abstract

*This study is designed to compare language learning strategies used by good and poor learners to improve the reading and writing skills of bahasa Melayu in the classroom. A total of four good learners and four poor learners were chosen by a group of bahasa Melayu teach-*

ers. This "multicase single site" case study uses interview protocol to identify strategies for improving reading and writing skills. The interview data were analysed using Cohen Kappa to determine the main themes emerging from transcripts obtained. Findings showed that good learners used more language learning strategies than poor learners in the classroom for both language skills. In addition, there were some differences of language learning strategies used by both group of students in both language skills.

## PENDAHULUAN

Strategi pembelajaran merupakan satu cara untuk membantu seseorang supaya berjaya menguasai sesuatu pelajaran. Dalam konteks pendidikan BM, pelajar yang menggunakan pelbagai SPB dapat membantu mereka berjaya dalam pelajaran bahasa. Kajian-kajian awal tentang SPB dalam pendidikan BM seperti yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd Nazali (1999) dan Zuriyati (1999) menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya dalam pelajaran BM menggunakan pelbagai SPB yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif. Dapatkan kajian mereka disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd Isa, Zamri dan Jamaludin (2002), Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) serta Zamri dan Mohamed Amin (2003a) yang mendapati bahawa pelajar cemerlang mencapai keputusan yang jauh lebih baik dalam BM berbanding dengan pelajar lemah kerana mereka menggunakan pelbagai SPB ketika belajar BM di dalam kelas.

Dari segi jantina, kajian yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali, Mohamed Amin dan Zamri (1999) serta Mohamed Amin, Zamri dan Mohd Nazali (2001) mendapati pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB ketika belajar BM berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian yang dijalankan oleh Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) pula mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak menguasai SPB berbanding dengan pelajar lelaki walaupun kedua-dua kumpulan pelajar dalam kajian tersebut terdiri daripada pelajar cemerlang dalam mata pelajaran BM. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memerihalkan dapatan satu kajian kes yang menggunakan instrumen temu bual terhadap pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM dalam aspek kemahiran membaca dan menulis.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran BM lebih banyak berfokus pada kepentingan BM dalam pendidikan seperti kajian yang berkaitan dengan kemahiran lisan dan bukan lisan, tatabahasa, karangan, ejaan, sebutan, istilah, dialek, kosa kata dan sebagainya (Zamri dan Mohamed Amin, 2000, 2001). Dalam pendidikan BM, kajian dan penyelidikan yang mengkaji bagaimana seseorang itu berjaya dalam pembelajaran BM masih kurang.

Penyelidikan tentang minat strategi belajar yang diamalkan oleh pelajar-pelajar bahasa di Barat sudah lama dijalankan. Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2001, 2003a) serta Zamri, Jamaludin dan Mohamed Amin (2003), walaupun kajian tentang SPB lebih berfokus pada pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua, di Malaysia, kajian dalam bidang yang sama masih kurang, terutamanya dalam pendidikan BM. Lantaran itu, ia telah mencetuskan minat dan kesedaran para penyelidik dan pendidik bahasa terhadap kepentingan strategi pembelajaran yang berkesan yang perlu dikuasai oleh para pelajar (Zamri dan Mohamed Amin, 2000; Mohd Nazali, Mohamed Amin dan Zamri, 1999; Mohamed Amin, Juriah dan Mohd Isa 1999; Mohamed Amin, Zamri dan Mohd Nazali, 2001).

Kajian-kajian yang berkaitan dengan kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran bahasa di Malaysia banyak dijalankan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua, sama ada di peringkat doktor falsafah, sarjana mahupun sarjana muda (lihat Mohamed Amin, 1996; Che Suriyati, 2000; Azlin Mazniwati, 2000, Faizahani, 2002). Sebaliknya, kajian yang sama, kurang dijalankan dalam pendidikan BM. Justeru, kajian yang lebih terperinci tentang cara seseorang pelajar itu belajar BM perlu dijalankan, terutamanya yang melibatkan temu bual yang mendalam.

Dalam konteks pendidikan BM, sama ada sebagai bahasa pertama mahupun bahasa kedua, ia masih merupakan sesuatu yang baru. Sebagai contoh, kajian Mohamed Amin, Juriah dan Mohd Isa (1999) cuba mengkaji SPB dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Mereka menggunakan soal selidik dan temu bual sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Sampel kajian mereka berfokus pada pelajar cemerlang dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut. Justeru, kajian tentang bagaimana pelajar (sama ada pelajar cemerlang atau lemah) mempelajari BM dalam semua kemahiran berbahasa perlu dibuat. Bagaimanakah pelajar cemerlang atau pelajar lemah belajar BM ketika berada di dalam kelas? Apakah SPB yang digunakan oleh mereka dalam

kesemua kemahiran bahasa itu ketika di dalam kelas? Apakah kemahiran berbahasa yang banyak digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas? Adakah terdapat persamaan atau perbezaan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah bagi semua kemahiran berbahasa tersebut? Persoalan-persoalan ini hanya dapat dijawab apabila kajian terperinci dan mendalam dijalankan.

## TINJAUAN LITERATUR

Dari segi perancangan pembelajaran, strategi pembelajaran bermaksud langkah-langkah yang diambil oleh pelajar untuk mempercepat proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan sumber maklumat (Abu Talib, 1998). Mengikut Oxford (1990, 1993), tindakan tersebut diambil bagi membantu pelajar menguasai proses pembelajaran dengan mudah, cepat, lebih menyeronokkan, lebih bersifat kendiri, lebih cekap, dan lebih mudah dipindahkan ke situasi baharu. Chamot, Beard El-Dinary dan Robbins (1999) pula berpendapat bahawa strategi pembelajaran ialah teknik yang boleh digunakan oleh pelajar untuk membantu tugas pembelajaran.

Strategi pembelajaran bahasa pula boleh dikaitkan dengan langkah-langkah yang disedari atau suatu tingkah laku yang digunakan oleh pelajar bahasa dalam mencapai, menyimpan, mengingat kembali dan menggunakan semula maklumat baharu (Rigney, 1978; Oxford, 1990). Dalam konteks pendidikan bahasa, SPB boleh ditentukan dengan pelbagai cara seperti menggunakan diari, prosedur penyuaraan berfikir dan pemerhatian (Oxford, 1989). Dalam pendidikan bahasa, terdapat pelbagai SPB yang boleh digunakan oleh pelajar ketika belajar bahasa. SPB yang berbeza dipengaruhi oleh faktor kognitif, metakognitif, afektif, sosial, psikologi dan lain-lain (Oxford, 1990). Pemilihan SPB oleh pelajar boleh dilihat dari aspek seperti jantina, etnik, budaya dan sebagainya. Sebagai contoh, terdapat perbezaan penggunaan SPB yang digunakan oleh pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM, iaitu pelajar perempuan didapati menggunakan pelbagai SPB berbanding dengan pelajar lelaki (lihat Oxford, Nyikos dan Erhman, 1988; Abu Talib, 1998; Mohd Nazali, 1999; Mohd Nazali, Mohamed Amin dan Zamri, 2000; Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah, 2003; Zamri dan Mohamed Amin, 2003a, 2003b).

Dari segi etnik pula, tujuan pembelajaran bahasa, tugas dan faktor-faktor lain turut menunjukkan perbezaan penggunaan strategi pem-

belajaran bahasa (lihat Politzer, 1983; Politzer dan McGroarty 1985; Oxford, 1989, Mohamed Amin, 1996; Abu Talib, 1998, Mohd Nazali, 1999). Donato dan McCormick (1994) mengkaji SPB dari sudut sosiobudaya dan percaya bahawa teori sosiobudaya dapat memberikan penjelasan bagaimana pelajar dapat menjadi komuniti pembelajaran bahasa yang komprehensif.

Dari segi kajian yang berkaitan dengan SPB dalam BM pula, kajian Abu Talib (1998) merupakan kajian awal SPB terhadap pelajar Tingkatan Empat di Johor Bahru ketika belajar BM. Hasil kajian beliau yang menggunakan kaedah soal selidik ini mendapat pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB ketika belajar di dalam kelas. Dapatkan kajian beliau juga menunjukkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi kognitif dan metakognitif bagi menguasai BM dengan baik berbanding dengan pelajar lemah semasa belajar BM di dalam kelas.

Mohd Nazali (1999) pula menjalankan satu kajian SPB di kalangan pelajar Tingkatan Empat ketika belajar BM di dalam kelas, di luar kelas dan untuk peperiksaan. Beliau cuba mengkaji SPB berdasarkan jantina dan etnik pelajar. Hasil kajiannya, didapati pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam ketiga-tiga konteks penggunaan SPB berbanding dengan pelajar lelaki. Dari segi etnik pula, Mohd Nazali mendapati pelajar Melayu lebih banyak menggunakan SPB dan diikuti pelajar India dan Cina. Dapatkan kajian Mohd Nazali ini juga bersamaan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Nazali, Mohamed Amin dan Zamri (1999), Rahani (1999), Norzizah (1999), Yong Zaharah (1999) dan Zuriyati (1999).

Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002) pula telah menjalankan satu kajian pemerhatian di dalam kelas di kalangan pelajar cemerlang. Hasil pemerhatian, mereka mendapati bahawa pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB bagi meningkatkan kemahiran bertutur, manakala pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB bagi meningkatkan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Dengan kata lain, dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar perempuan banyak menggunakan SPB berkaitan dengan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Sebaliknya, pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berkaitan dengan kemahiran bertutur. Dapatkan kajian Zamri *et al.* (2002) ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Zamri dan Mohamed Amin (2003a, 2003b). Sebagai contoh, Zamri dan Mohamed Amin (2003a) menggunakan protokol pemerhatian bagi mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di

dalam kelas. Hasil kajiannya, Zamri dan Mohamed Amin mendapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lemah. Begitu juga dari segi jantina, iaitu pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas untuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bagi kajian yang berikutnya, Zamri dan Mohamed Amin (2003b) telah menjalankan kajian SPB di kalangan pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Instrumen temu bual digunakan bagi mengumpul data. Hasil kajiannya, Zamri dan Mohamed Amin mendapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas.


Tuntasnya, kajian SPB dalam BM perlu diperbanyak dalam pelbagai situasi. Ini ditegaskan oleh beberapa orang pengkaji Barat dan tempatan (contohnya Oxford, 1990; Ellis, 1994; Mohamed Amin, 1996) yang menekankan perihal pentingnya melihat perkaitan antara faktor sosial (termasuk jantina, etnik dan status sosioekonomi) dengan penggunaan SPB oleh pelajar. Demikian juga aspek kemahiran berbahasa dalam mempengaruhi pencapaian BM di kalangan pelajar seperti mana yang ditegaskan oleh Zamri dan Mohamed Amin (2003b) yang menyatakan bahawa kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis boleh mempengaruhi pencapaian BM di kalangan pelajar.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang amalan SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah secara keseluruhan ketika belajar BM di dalam kelas bagi kemahiran membaca dan menulis, dan mengenal pasti sama ada terdapat persamaan dan perbezaan penggunaan tema SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas bagi kemahiran membaca dan menulis.

## **KERANGKA TEORETIS**

Berpandukan model pembelajaran bahasa yang dibina oleh Ellis (1994) dan Mohamed Amin Embi (1996), pengkaji mengklasifikasikan kajian seperti yang berikut:



Rajah 1 Kerangka teoretis yang diubahsuai daripada model SPB yang dibina oleh Ellis (1994) dan Mohamed Amin (1996).

Rajah 1 menerangkan kerangka teoretis yang digunakan dalam mengkaji SPB di kalangan pelajar cemerlang. Perbezaan individu dalam mempelajari sesuatu bahasa turut mempengaruhi SPB yang digunakan. Faktor akademik dan sosial, terutamanya jantina banyak mempengaruhi sesuatu SPB yang digunakan oleh pelajar. Beberapa kajian dalam BI sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di Barat ataupun di Malaysia menunjukkan bahawa perbezaan individu banyak mempengaruhi SPB yang digunakan oleh pelajar (lihat Skehan, 1989; Oxford, 1990; Larsen-Freeman dan Long, 1991; Ellis, 1994; Cohen, 1996, Mohamed Amin, 1996; Lessard-Clouston, 1997, Hall, 1997, Faizahani, 2002; Abdallah Hussein, 2002). Dapatan yang sama juga dilaporkan dalam beberapa kajian dalam mata pelajaran BM. Kesemua kajian melaporkan bahawa faktor perbezaan individu berdasarkan

pencapaian akademik dan jantina banyak mempengaruhi pencapaian seseorang pelajar ketika belajar BM (lihat Abu Talib, 1998; Mohd Nazali, 1999; Zuriyati, 1999; Mohamed Amin, Mohd Nazali dan Zamri, 2001; Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah, 2002, 2003; Supian, 2003).

Selain itu, penekanan aspek SPB ketika di dalam kelas (DLK) ataupun ketika peperiksaan (PEP) dapat membantu pengkaji mengkaji SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang ketika belajar BM berdasarkan konteks penggunaan tersebut dan juga berdasarkan kemahiran berbahasa. Empat kemahiran berbahasa yang difokuskan dalam kajian ini ialah kemahiran mendengar (KD), kemahiran bertutur (KT), kemahiran membaca (KB) dan kemahiran menulis (KTs). Walaupun konteks penggunaan SPB yang dicadangkan oleh Mohamed Amin (1996) lebih merupakan kajian pembelajaran BI sebagai bahasa kedua di Malaysia, strategi belajar di dalam kelas sesuai untuk kajian yang ingin dijalankan dalam konteks kajian dalam pendidikan BM.

Kesimpulannya, gabungan model SPB yang diubahsuai daripada Ellis (1994), dan Mohamed Amin (1996) lebih menepati tujuan dan persoalan kajian. Selain itu, ketiga-tiga model SPB yang diubahsuai lebih menjurus kepada persoalan untuk mengenal pasti apakah SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang ketika belajar BM di dalam kelas. Di akhir kajian, pengkaji dapat mengklasifikasikan SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang, jenis SPB yang digunakan pelajar cemerlang dari segi jantina dan lain-lain yang dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar ketika belajar BM di dalam kelas bagi KD, KT, KB dan KTs.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kes bagi mendapatkan data. Kajian kes yang menggunakan instrumen temu bual berstruktur lebih sesuai jika sesuatu perkara yang ingin dikaji itu mendalam. Menurut Yin (1994), kajian kes dapat membantu pengkaji mengetahui sesuatu permasalahan atau fenomena yang hendak dikaji secara mendalam dan terperinci. Selain itu, kajian kes sesuai digunakan jika sampel kajian adalah sedikit. Beberapa kajian di Barat dan di Malaysia menggunakan jumlah sampel yang sedikit dengan kaedah kajian kes. Misalnya, McMahon (1997) menggunakan dua peserta kajian, Zahrah (2002) menggunakan enam peserta kajian, Roslan (2002) menggunakan empat peserta kajian, Faizah (2004) menggunakan lapan peserta

kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan lapan peserta yang mewakili empat pelajar cemerlang dan empat pelajar lemah.

### Sampel dan Lokasi Kajian

Kajian kes ini menggunakan instrumen temu bual dan dijalankan terhadap lapan orang pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Peserta kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah yang mewakili jantina masing-masing. Peserta kajian dipilih oleh guru panitia BM, guru BM dan guru kelas setiap peserta kajian. Pemilihan peserta kajian ini berdasarkan gred atau keputusan BM yang diterima dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pelajar cemerlang ialah pelajar yang mendapat gred A, manakala pelajar lemah ialah pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya gred D bagi mata pelajaran BM dalam peperiksaan tersebut. Lokasi kajian pula dipilih berdasarkan kriteria *multicase single site*, iaitu satu tempat yang mempunyai dua perkara atau masalah yang ingin dikaji (Yin, 1994).

### Instrumen Kajian

Kajian kes ini menggunakan instrumen temu bual bagi tujuan mendapatkan data. Protokol temu bual yang telah dibina mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan kemahiran membaca dan menulis. Temu bual secara berstruktur ini dijalankan dalam dua peringkat, iaitu temu bual berkaitan dengan kemahiran membaca dan menulis. Oleh sebab kajian ini bertujuan untuk mengkaji jantina SPB antara peserta cemerlang ketika belajar BM dalam empat kemahiran berbahasa, maka item-item temu bual dibina berdasarkan keempat-empat kemahiran berbahasa tersebut. Untuk itu, pengkaji telah mengubahsuai subkemahiran yang terdapat dalam keempat-keempat kemahiran berbahasa itu supaya menjadi soalan berbentuk temu bual. Semua soalan temu bual yang telah diubahsuai itu diambil daripada Huraian Sukatan Pelajaran BM KBSM Tingkatan IV (KPM 1992), Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu BM KBSM (KPM 2000) dan Huraian Sukatan Pelajaran BM Edisi Sekolah Bestari (KPM 2000). Soalan-soalan dalam temu bual berstruktur ini meliputi beberapa aras atau peringkat soalan yang dicadangkan oleh Kvale (1996). Menurut Kvale, terdapat sembilan peringkat dalam pembinaan soalan temu bual berstruktur dan semi berstruktur, iaitu soalan (i) pengenalan, (ii) urutan, (iii) lanjutan, (iv) spesifik, (v) terus/langsung, (vi) tidak langsung, (vii) berstruktur, (viii) berbentuk kesenyapan, dan (ix) interpretasi. Dalam kajian ini, pengkaji hanya

menyediakan aras soalan temu bual pada peringkat (i) hingga (vi), manakala aras soalan (vii) hingga (ix) tidak digunakan oleh pengkaji. Aras soalan (i) hingga (vi) merupakan aras soalan yang mudah difahami oleh pelajar terutamanya peserta cemerlang. Aras soalan (vii) hingga (ix) merupakan aras soalan yang sukar difahami oleh pelajar terutamanya peserta lemah.

Setelah soalan-soalan temu bual berstruktur siap dibina, pengkaji pergi ke sebuah sekolah menengah harian untuk menjalankan kajian rintis. Pelajar cemerlang rintis dapat menjawab semua soalan temu bual. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa soalan temu bual yang sukar dijawab. Soalan-soalan yang sukar dan mengelirukan dibaiki atau dibuang. Untuk memastikan soalan-soalan temu bual meliputi semua aras soalan, kemahiran berbahasa dan menjawab persoalan kajian, pengkaji meminta kerjasama guru BM, guru Panitia BM dan juga Ketua Bidang Bahasa sekolah kajian rintis untuk memeriksa soalan-soalan temu bual itu agar boleh dipercayai dan ada kesahannya. Pengkaji juga meminta penyelia menyemak soalan-soalan temu bual itu supaya tidak menyukarkan pelajar cemerlang sebenar ketika menjawab soalan-soalan tersebut.

Setelah soalan-soalan temu bual siap dibina, pengkaji membuat kajian temu bual sebenar di kalangan pelajar cemerlang. Sebelum temu bual dijalankan, pihak sekolah mengarahkan pengkaji membuat temu bual di luar waktu sekolah. Tujuannya adalah supaya tidak mengganggu pembelajaran pelajar cemerlang jika temu bual dibuat pada waktu persekolahan. Temu bual dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama, setiap pelajar cemerlang akan ditemu bual bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Peringkat kedua, setiap pelajar cemerlang akan ditemu bual bagi kemahiran membaca dan menulis. Semua temu bual peserta dirakamkan dalam kaset-kaset yang ditandakan mengikut peserta.

## **Analisis Data**

Melalui transkrip tersebut, data dianalisis untuk mencari tema atau pola yang kerap hadir dalam temu bual berkenaan. Tema-tema SPB ini diperoleh melalui perisian *Non-Numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD\*IST) atau perisian analisis data kualitatif terkini. Data mentah temu bual dimasukkan ke dalam perisian NUD\*IST. Kemudian, data tersebut diproses bagi mencari unit-unit analisis bagi tema SPB yang kerap disebutkan oleh peserta kajian dengan tepat. Hasilnya, pengkaji memperoleh pelbagai tema SPB yang kerap ditemui dalam data temu bual ketika di dalam kelas. Tema-tema tersebut diberikan kod dan

definisi berdasarkan subunit analisis, kemudian diberikan kepada pakar penilai untuk dianalisis dengan analisis indeks Cohen Kappa.

Analisis indeks Cohen Kappa diperkenalkan oleh Jacob Cohen melalui artikel beliau yang bertajuk "*A Coefficient of Agreement For Nominal Scales*". Cohen (1960) telah memperkenalkan satu kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan data kualitatif dalam bentuk temu bual. Menurut beliau, "Prosedur yang dicadangkan ialah yang mempunyai dua (atau lebih) hakim bebas mengkategorikan sesuatu sampel unit dan menentukan darjah, kesignifikanan, dan kestabilan persampelan yang dipersetujuai" (Cohen, 1960:37–38). Analisis indeks Cohen Kappa bertujuan untuk mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema atau konstruk yang dikaji. Ini dibuat dengan memadankan unit daripada data temu bual dengan tema-tema yang dominan dalam sesuatu data kualitatif seperti dalam temu bual.

Landis dan Kosh (1977) mencadangkan cara pengiraan persetujuan menggunakan skala Cohen Kappa. Cara pengiraan sedemikian telah dilakukan dalam kajian-kajian tempatan yang dapat menunjukkan darjah persetujuan yang tinggi bagi unit yang dianalisis (Tam, 1999; Noriah, 1999; Zahrah, 2002). Ini menunjukkan bahawa telah wujud kepekaan di kalangan pengkaji kualitatif tempatan untuk menilai kebolehpercayaan data kualitatif yang dikumpul.

**Jadual 1** Skala persetujuan Cohen Kappa.

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan tema yang diperoleh, nilai pekali persetujuan analisis Cohen Kappa dikira. Berdasarkan analisis indeks Cohen Kappa ini, tiga pakar kualitatif (penilai) yang mengetahui cara pengiraan Cohen Kappa dirujuk untuk menilai tahap/pekali persetujuan tema-tema SPB daripada temu bual yang dijalankan di dalam kelas. Tema yang

dipilih secara rawak itu diambil daripada 12 tema SPB bagi kemahiran membaca dan menulis. Pakar penilai mengira nilai persetujuan bagi setiap tema yang dikemukakan. Setelah dibuat pengiraan, pengiraan nilai persetujuan bagi ketiga-tiga pakar penilai dibuat menggunakan formula yang berikut:

$$- K = \frac{f_o - f_i}{N - f_i}$$

$$- K = \frac{f_a - f_c}{N - f_c}$$

Di mana:  $f_a$  – unit persetujuan

$f_c$  – 50 peratus jangkaan persetujuan

$N$  – bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Setelah dikira nilai persetujuan ketiga-tiga pakar, indeks pekali Cohen Kappa adalah pada tahap 0.80, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi tema SPB bagi pelajar cemerlang dan 0.88, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi tema SPB bagi pelajar lemah. Menurut Judith dan McNary (1999), tiada nilai tertentu yang sesuai bagi menunjukkan tahap persetujuan antara pakar. Menurut Fleiss (1981) dan Gardner (1995), nilai yang melebihi 0.75 adalah terbaik di atas 50 peratus jangkaan persetujuan antara penilai. Sementara nilai koefisien antara 0.40 hingga 0.75 menunjukkan nilai sederhana di atas peratus jangkaan persetujuan. Nilai 0.40 dan ke bawah adalah lemah kerana berada di bawah 50 peratus jangkaan persetujuan.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas. Perbincangan dibuat dengan membandingkan SPB yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan peserta kajian ketika belajar BM di dalam kelas bagi kemahiran membaca dan menulis.

### Perbandingan Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Cemerlang dengan Pelajar Lemah bagi Kemahiran Membaca di dalam Kelas

Jadual 2 membincangkan SPB yang dilapor digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas bagi meningkatkan kemahiran membaca berdasarkan data temu bual.

**Jadual 2** Perbandingan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah dalam kemahiran membaca ketika di dalam kelas.

Bit.	Kod	Definisi Koding	PCL -1	PCL -2	PCP -1	PCP -2	PLL -1	PLL -2	PLP -1	PLP -2
1.	BKTR	Baca karangan terbaik rakan	/							
2.	GTTB	Guna teknik tingkatkan pertuturan	/	/	/	/	/			/
3.	BNIB	Baca nada intonasi yang betul	/							
4.	BGBF	Baca guna bahasa formal	/	/		/				/
5.	GABB	Guna alat bantuan / pembacaan	/		/	/		/		
6.	BSP	Baca semua petikan	/	/	/		/	/		
7.	PMTB	Peruntukan masa tingkatkan pembacaan	/	/		/	/	/		
8.	BPBB	Baca pelbagai bahan bacaan	/	/	/	/	/	/	/	/
9.	BDL	Baca dengan lancar	/	/		/				
10.	PBR	Pinjam buku rakan	/	/		/				
11.	BPGB	Baca petikan guru beri		/			/		/	/
12.	MGBB	Minta guru betulkan bacaan		/						
13.	PAG	Patuh arahan guru			/	/		/		
14.	BIP	Baca isi penting				/			/	/
15.	DTGA	Dengar teliti guru mengajar			/					
16.	BTAS	Baca teliti arahan soalan			/					
17.	BPKB	Beri perhatian ketika membaca			/			/		
18.	ABAB	Ambil bahagian aktiviti bahasa			/					
19.	MRDB	Minta rakan dengar pembacaan			/					
20.	BBTTs	Baca buku teknik menulis				/				
21.	BDJ	Baca dengan jelas						/		
22.	BBRP	Baca buku rujukan peperiksaan								/
23.	BBK	Baca berulang kali				/				
24.	BAS	Baca ayat suci	/							
25.	BDSB	Baca doa sebelum belajar	/		/					
		<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>10</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>4</b>

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya terdapat perbezaan dari segi bilangan SPB yang dilapor digunakan pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM untuk meningkatkan kemahiran membaca. Daripada 25 SPB yang dilaporkan, pelajar cemerlang didapati menggunakan 23 SPB berbanding dengan 12 SPB yang digunakan oleh pelajar lemah untuk meningkatkan kemahiran membaca ketika di dalam kelas. Daripada 25 SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang itu, didapati PCL-1 merupakan pelajar cemerlang paling banyak menggunakan SPB dalam meningkatkan kemahiran membaca ketika di dalam kelas, iaitu sebanyak 12 SPB. Ini diikuti PCP-1 dan PCP-2 yang masing-masing menggunakan 11 SPB, manakala PCL-2 merupakan pelajar cemerlang paling sedikit menggunakan SPB dalam meningkatkan kemahiran membaca, iaitu sebanyak 9 SPB ketika belajar BM di dalam kelas. Bagi pelajar lemah pula, daripada 12 SPB yang dilaporkan, PLL-1, PLL-2 dan PLP-1 didapati sama-sama banyak menggunakan SPB dalam meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas, iaitu sebanyak 6 SPB, manakala PLP-2 merupakan pelajar lemah paling sedikit menggunakan SPB dalam kemahiran membaca, iaitu 4 SPB ketika belajar BM.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat sembilan SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran membaca ketika di dalam kelas, iaitu strategi BPBB, GTTB, GABB, BSP, PMTB, BPGB, PAG, BIP, dan BPKB. Daripada sembilan SPB tersebut, strategi BPBB merupakan SPB paling popular yang digunakan oleh semua pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas. Bagi pelajar cemerlang, strategi BPBB digunakan dengan membaca petikan yang diberikan oleh guru, membaca buku yang tinggi bahasanya, meminjam buku rakan untuk dibaca, membaca karya sastera seperti novel, akhbar, majalah dan sebagainya. Dengan membaca pelbagai bahan bacaan, ia membantu pelajar cemerlang membaca dengan lancar, membaca dengan menggunakan bahasa yang formal, mencatat isi-isi penting, membuat nota latihan, membaca dengan nada dan intonasi yang betul, dan lain-lain lagi. Misalnya, dengan membaca buku yang tinggi bahasanya, pelajar cemerlang bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran membaca, bahkan juga dapat mengetahui dan menguasai pelbagai perbendaharaan kata yang berkualiti yang boleh digunakan ketika bertutur ataupun menulis. Bagi pelajar lemah pula, strategi BPBB digunakan seperti membaca bahan sastera, akhbar dan majalah, membaca kamus dan sebagainya. Dengan membaca pelbagai bahan, ia membantu pelajar lemah mencatat isi-isi penting, mudah buat latihan penulisan dan sebagainya. Misalnya dengan membaca kamus, pelajar

lemah bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran membaca, bahkan juga dapat mengetahui maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami yang boleh digunakan dalam pertuturan ataupun penulisan. Berdasarkan huraian, dapat dirumuskan bahawa tujuan pelajar cemerlang dan pelajar lemah menggunakan strategi BPBB hampir sama, iaitu membantu meningkatkan kemahiran membaca ketika di dalam kelas. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi jenis bahan bacaan yang dibaca, misalnya sesetengah bahan bacaan yang dibaca oleh pelajar cemerlang tidak digunakan oleh pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran membaca. Ini dapat dibuktikan berdasarkan petikan temu bual yang berikut:

- Saya juga menggunakan bahan-bahan bacaan untuk meningkatkan KB saya. Contohnya, DDK saya banyak menggunakan teks-teks ucapan yang diberikan oleh guru untuk meningkatkan KB saya. (PCL-1, DDK-KB: 51–53)
- Saya ada menggunakan bahan-bahan bacaan untuk meningkatkan KB saya. Contohnya DDK, saya menggunakan buku tulis, buku teks dan buku-buku latihan untuk menambahkan saya punya pengetahuan.(PCP-1, DDK-KB: 47–49)
- Sebabnya dalam bacaan kita perlu ada juga mempengaruhi daripada bahan-bahan lain seperti kamus ataupun seperti apa benda-benda yang boleh memberi idea yang penting dari segi pembacaan kita. DDK selalunya saya banyak menggunakan cara-cara begitu... (PLL-1, DDK-KB: 31–33)
- Buku jenis apa, macam buku teks BM, kamus ke itulah kalau DDK. (PLP-1, DDK-KB: 28)

Strategi GTTB atau menggunakan teknik bagi meningkatkan aspek pembacaan juga dikenal pasti sebagai SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai teknik membaca seperti menggunakan kaedah “mengimbas” dan “menyaring”, banyak menanya rakan dan guru; meminta rakan mendengar bacaan dan sebagainya. Dengan menggunakan pelbagai teknik membaca, ia membantu mereka membaca dengan lancar, mengumpul maklumat dan mencatat isi-isi penting daripada bahan yang dibaca. Misalnya teknik meminta rakan mendengar bacaan, ia bukan sahaja meningkatkan kemahiran mendengar, tetapi juga membantu mereka membaca dengan lancar. Segala kesilapan yang dilakukan ketika membaca akan ditegur dan dibetulkan oleh rakan dan seterusnya membantu meningkatkan kemahiran membaca. Bagi pelajar lemah pula, teknik membaca yang digunakan ialah teknik menghafal

isi-isi penting dan banyak membuat latihan membaca. Misalnya, teknik membaca isi-isi penting bukan sahaja menjimatkan masa membaca sesuatu petikan, bahkan dapat meningkatkan pemahaman mereka. Dengan kata lain, terdapat perbezaan teknik membaca dan tujuan menggunakan strategi GTTB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah dalam meningkatkan kemahiran membaca. Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai teknik membaca berbanding dengan pelajar lemah dalam usaha meningkatkan kemahiran membaca seperti yang dapat dibuktikan dalam petikan temu bual pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi strategi GTTB.

- Saya ada menggunakan teknik-teknik tertentu untuk meningkatkan KB saya seperti DDK saya akan hanya bertanya kepada guru-guru saya dan rakan-rakan saya. (PCL-2, DDK-KB: 85–86)
- Secara keseluruhannya ada. Contoh DDK teknik yang saya gunakan ialah saya membaca, saya menyuruh rakan-rakan mendengar apa yang saya baca dan membetulkan bacaan saya. (PCP-1, DDK-KB: 96–97)
- Teknik yang selalu saya gunakan untuk meningkatkan KB saya ialah seperti menghafal sesuatu petikan di dalam pembacaan saya seperti DDK ... (PLL-1, DDK-KB: 68–69)
- Kalau DDK itu teknik saya banyak membuat latihan. Ha, banyak membaca sebab bila kita baca takut bila baca karangan itu membaca isi-isi penting ke akan membuat saya cepat menulislah. (PLP-1, DDK-KB: 47–48)

Selain menggunakan pelbagai bahan bacaan dan teknik membaca, pelajar cemerlang dan pelajar lemah juga menggunakan beberapa alat bantu bagi meningkatkan kemahiran membaca. Ini dapat dilihat melalui penggunaan strategi GABB atau menggunakan alat bantu belajar bagi meningkatkan aspek pembacaan. Pelajar cemerlang melaporkan bahawa mereka menggunakan alat bantu seperti radio, televisyen, dan bahan bacaan. Misalnya, dengan mendengar cara percakapan juruhebah radio dan televisyen, mereka dapat meniru cara bertutur juruhebah dan kemudiannya mengaplikasikannya ketika membaca. Bagi pelajar lemah pula, alat bantu yang digunakan bagi meningkatkan kemahiran membaca ialah bahan bacaan seperti kamus untuk meningkatkan kemahiran membaca. Dengan membaca kamus, mereka dapat membaiki pembacaannya, terutamanya ketika menyebut sesuatu perkataan itu. Berdasarkanuraian, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang menggunakan pelbagai alat bantu bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar lemah, tetapi mempunyai tujuan yang sama, iaitu

membantu meningkatkan kemahiran membaca. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual dengan pelajar cemerlang dan pelajar lemah yang berkaitan dengan kemahiran membaca seperti yang berikut:

- Saya banyak menggunakan alat bantu seperti radio dan televisyen untuk meningkatkan KB saya contohnya DDK saya banyak meminta guru membuat perbincangan DDK supaya mudah bagi kami membaca dan menjawab soalan-soalan yang diberikan. (PCL-1, DDK-KB: 43–45)
- Contohnya DDK saya dapat mempraktikkan apa yang saya ketahui daripada radio, di TV untuk membaca dengan lengkap dan betul. (PCP-2, DDK-KB: 35–36)
- Sebabnya dalam bacaan kita perlu ada juga mempengaruhi daripada bahan-bahan lain seperti kamus ataupun seperti apa benda-benda yang boleh memberi idea yang penting dari segi pembacaan kita. (PLL-1, DDK-KB: 31–33)
- Ada. Kalau DDK itu kita cubalah baca dalam yang kecil itu dalam dia punya tulisan itu. Kalau DDK itu saya akan gunakan buku latihanlah dan buku teks ke kamus-kamus ke untuk meningkatkan lagi KB. (PCP-1, DDK-KB: 20–22)

Begitu juga dengan strategi BIP, PMTB, BSP, BPGB, PAG, dan BPKB. Pelajar cemerlang dan pelajar lemah dilaporkan sama-sama menggunakan SPB tersebut bagi meningkatkan kemahiran membaca. Strategi PMTB atau memperuntukkan masa bagi meningkatkan pembacaan dengan membaca karangan contoh dan menetapkan jangka masa ketika membaca sesuatu bahan itu. Strategi BIP atau membaca isi penting ketika membaca sesuatu bahan membantu pelajar cemerlang dan pelajar lemah menjimatkan masa membaca dan mudah ingat. Demikian juga dengan strategi BSP atau membaca semua petikan, BPGB atau membaca petikan yang diberikan guru, PAG atau mematuhi arahan guru, dan BPKB atau memberikan perhatian ketika membaca, dilaporkan dapat membantu pelajar cemerlang dan pelajar lemah meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas.

Selain SPB yang sama-sama digunakan oleh peserta kajian, terdapat juga beberapa SPB bagi meningkatkan kemahiran membaca dilaporkan hanya digunakan oleh pelajar cemerlang ataupun pelajar lemah sahaja. Berdasarkan Jadual 2, terdapat 11 SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang tetapi tidak digunakan oleh pelajar lemah. Bagi pelajar lemah pula, hanya terdapat dua SPB yang digunakan oleh pelajar lemah, tetapi tidak digunakan oleh pelajar cemerlang bagi meningkatkan kemahiran

membaca ketika belajar BM di dalam kelas.

Bagi pelajar cemerlang, 11 SPB yang digunakan itu termasuklah strategi BKTR, BNIB, BDL, PBR, MGBB, DTGA, BTAS, ABAB, MRDB, BBTTs, BBK, BAS dan BDSB. Sebagai contoh, mereka menggunakan strategi BNIB atau membaca dengan nada dan intonasi yang betul ketika membaca buku. Strategi PBR atau meminjam buku rakan terutamanya buku karangan yang terbaik yang dihasilkan oleh rakan untuk dibaca. Strategi BBK atau membaca berulang kali sehingga faham. BDSB atau membaca doa sebelum belajar bukan sahaja meningkatkan kemahiran membaca, bahkan juga meningkatkan motivasi kepada pelajar cemerlang semasa belajar. Keempat-empat SPB ini dilaporkan dapat membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas. Ini dapat dibuktikan melalui petikan temu bual SPB yang berikut:

**Contoh strategi BNIB:**

- Saya membaca menggunakan intonasi dan nada yang betul supaya memudahkan saya membaca dengan betul. (PCL-1, DDK-KB: 21–22)

**Contoh strategi PBR:**

- Strategi KB yang saya gunakan banyak membantu meningkatkan KPK saya. Contohnya DDK saya akan membaca buku-buku yang dipinjam daripada rakan-rakan yang terbaik. Contohnya buku karangan mereka untuk meningkatkan lagi KPK saya. (PCL-1, DDK-KB: 146–148)
- Saya bersetuju. Contohnya DDK kita boleh bertemu dengan rakan-rakan atau meminjam contoh-contoh karangan yang lebih baik daripada rakan-rakan. (PCP-2, DDK-KB: 146–147)

**Contoh strategi BBK:**

- KB membantu juga dalam KD saya. Contohnya DDK, apabila saya tidak dapat tangkap apa yang diperkatakan oleh guru, saya akan membaca dan seterusnya membaca sehingga saya dapat memahami tanpa banyak bertanya kepada guru. (PCP-2, DDK-KB: 100–102)

**Contoh strategi BDSB:**

- Akhir sekali saya banyak mengamalkan doa penerang hati sebelum memulakan aktiviti pembelajaran BM sama ada DDK ..., (PCP-1, DDK: 188–189)

Demikian juga dengan BKTR, BDL, MGBB, DTGA, BTAS, ABAB, MRDB, dan BBTTs. Strategi BKTR atau membaca karangan terbaik yang

ditulis oleh rakan dapat membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran membaca dan menulis. Strategi BDL atau membaca dengan lancar setiap bahan atau petikan yang diberikan guru. Strategi MGBB atau meminta guru membaiki pembacaan bermaksud pelajar cemerlang meminta guru membetulkan kesilapan yang dilakukan ketika membaca. Begitu juga dengan strategi DTGA (mendengar teliti guru mengajar), BTAS (membaca teliti arahan soalan), ABAB (mengambil bahagian aktiviti bahasa) serta MRDB (meminta rakan mendengar cara membaca) juga merupakan antara strategi yang banyak membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran membaca. Dengan kata lain, kesemua SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang bukan sahaja membantunya meningkatkan kemahiran membaca, tetapi juga kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran bertutur dan menulis ketika belajar BM di dalam kelas.

Bagi pelajar lemah pula, hanya terdapat dua SPB yang digunakan pelajar lemah tidak digunakan oleh pelajar cemerlang, iaitu strategi BDJ dan BBRP. Strategi BDJ atau membaca dengan jelas digunakan apabila pelajar diminta membaca petikan oleh guru. Strategi BBRP atau membaca buku rujukan peperiksaan membolehkan pelajar lemah membuat ulang kaji sebagai persediaan awal menghadapi PEP. Kedua-dua SPB ini dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca di kalangan pelajar lemah seperti yang tercatat dalam petikan temu bual yang berikut:

**Contoh strategi BDJ:**

- DDK ya. DLK ya. Peperiksaan ya. Saya buatnya dengan penuh semangat seperti itulah DDK memberi perhatian kepada cikgu dan membaca dengan jelas. (PLL-2, DDK-KB: 79–80)

**Contoh strategi BBRP:**

- Ada. DDK saya akan menggunakan bukulah, buku rujukan. Membaca untuk mengulang kajilah. (PLP-1, DDK-KB: 8)

Kesimpulannya, secara perbandingan terdapat perbeaan SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas. Pelajar cemerlang didapati menggunakan lebih banyak SPB berbanding dengan pelajar lemah dalam meningkatkan kemahiran membaca. Pelajar cemerlang dan pelajar lemah juga didapati sama-sama menggunakan beberapa SPB ketika di dalam kelas. Terdapat juga beberapa SPB yang dilaporkan hanya digunakan oleh pelajar cemerlang ataupun pelajar lemah sahaja. Misalnya, strategi BDSB dan BAS yang dikelompokkan dalam pola penghayatan agama dilaporkan

hanya digunakan oleh pelajar cemerlang sahaja. Tegasnya, terdapat pelbagai SPB yang digunakan oleh peserta kajian bagi meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas.

### **Perbandingan Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Cemerlang dengan Pelajar Lemah bagi Kemahiran Menulis di dalam Kelas**

Jadual 3 membincangkan SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika mempelajari BM semasa di dalam kelas bagi meningkatkan kemahiran menulis berdasarkan data temu bual. Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhan terdapat perbezaan dari segi bilangan SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas. Daripada 29 SPB yang diperoleh melalui temu bual, didapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam meningkatkan kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lemah. Pelajar cemerlang dilaporkan menggunakan 25 SPB dalam kemahiran menulis, berbanding dengan 15 SPB yang digunakan oleh pelajar lemah.

**Jadual 3** Perbandingan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah dalam kemahiran menulis ketika di dalam kelas.

Bil.	Kod	Definisi Koding	PCL -1	PCL -2	PCP -1	PCP -2	PLL -1	PLL -2	PLP -1	PLP -2
1.	BBLTs	Banyak buat latihan penulisan	/	/	/				/	/
2.	BRSTS	Buat rangka sebelum menulis	/	/		/	/			
3.	SLSH	Semak latihan sebelum hantar	/	/	/	/	/	/	/	/
4.	MGPT	Minta guru periksa teliti	/	/	/	/				/
5.	PMTTs	Peruntuk masa tingkatkan penulisan	/	/	/	/	/			
6.	GTTS	Guna teknik tingkat penulisan	/	/		/	/	/	/	/
7.	PBR	Pinjam buku rakan	/							
8.	SNGB	Salin nota guru berikan	/							
9.	TsGAL	Tulis guna ayat lengkap	/						/	

*sambungan Jadual 3*

Bil.	Kod	Definisi Koding	PCL -1	PCL -2	PCP -1	PCP -2	PLL -1	PLL -2	PLP -1	PLP -2
10.	BBTB	Baca buku tinggi bahasanya	/							
11.	PBG	Pinjam buku guru	/							
12.	TDP	Tulis dengan pantas		/		/			/	
13.	STC	Siapkan tugas cepat		/						
14.	GABTs	Guna alat bantu penulisan		/						
15.	DTKG	Dengar teliti kata guru		/			/		/	
16.	DTKR	Dengar teliti kata rakan		/						
17.	TGPM	Tulis guna perkataan mudah			/					
18.	DTGA	Dengar teliti guru mengajar			/					
19.	BLGB	Buat latihan guru beri			/		/		/	/
20.	ABAB	Ambil bahagian aktiviti bahasa			/	/				
21.	BRK	Banyak rujuk kamus'			/					
22.	BDR	Bincang dengan rakan			/					
23.	SKTR	Salin karangan terbaik rakan				/				
24.	TGS	Tulis guna singkatan				/	/			/
25.	DAPB	Dengar aktiviti pertandingan bahasa				/				
26.	TDC	Tulis dengan cantik					/			
27.	BPBB	Baca pelbagai bahan bacaan					/			
28.	BDG	Bincang dengan guru								/
29.	BNR	Buat nota ringkas								/
		JUMLAH	11	11	10	9	8	6	5	9

Analisis data mendapati pelajar cemerlang, PCL-1 dan PCL-2 menggunakan SPB yang sama banyak dalam meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas, iaitu sebanyak 11 SPB. Ini diikuti PCP-1 dengan 10 SPB, manakala PCP-2 merupakan pelajar cemerlang paling sedikit menggunakan SPB bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas, iaitu sebanyak sembilan SPB. Bagi pelajar lemah pula,

daripada 15 SPB yang dilaporkan digunakan dalam meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas, didapati PLP-2 paling banyak menggunakan SPB, iaitu sebanyak sembilan SPB. Ini diikuti PLL-1 sebanyak lapan SPB dan PLL-2 sebanyak 6 SPB, manakala PLP-1 merupakan pelajar lemah paling sedikit menggunakan SPB, iaitu sebanyak lima SPB.

Daripada 29 SPB bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas, terdapat 12 SPB dilaporkan sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Kesemua 12 SPB tersebut ialah strategi BBLTs, BRSTs, SLSH, MGPT, PMTTs, GTTTs, TsGAL, BLGB, TDP, DTKG, BLGB dan TGS. Daripada 12 SPB tersebut, strategi SLSH atau menyemak latihan sebelum menghantar kepada guru boleh dikategorikan sebagai SPB paling popular di kalangan pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Ini kerana kesemua mereka menggunakan strategi SLSH bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas. Bagi pelajar cemerlang, strategi SLSH digunakan untuk membaiki kesalahan bahasa yang terdapat dalam latihan yang dibuat. Dengan menyemak semula latihan, mereka dapat mengenal pasti kesalahan yang dibuat dari segi ejaan dan ayat. Ini akan memudahkan pelajar cemerlang membaiki kesalahan yang dibuat tersebut. Selain itu, dengan menyemak semula, pelajar cemerlang dapat menambah isi-isi baharu yang dapat memantapkan lagi tugas yang dibuat. Dengan kata lain, strategi SLSH memperlihatkan sikap pelajar cemerlang yang berhati-hati ketika membuat tugas sebelum menghantarnya kepada guru untuk diperiksa. Sikap demikian banyak membantu pelajar cemerlang dalam menghasilkan satu tugas yang berkualiti. Demikian juga dengan pelajar lemah. Strategi SLSH digunakan ketika membaiki kesalahan bahasa yang terdapat dalam latihan yang dibuat. Sekiranya terdapat kesalahan bahasa seperti ejaan dan ayat, mereka akan membetulkannya sebelum diberikan kepada guru untuk diperiksa. Sekiranya tidak tahu kesalahan bahasa yang dilakukan, mereka akan menanya guru supaya membetulkannya. Ini memperlihatkan sikap pelajar lemah memberikan perhatian kepada setiap tugas yang dibuat. Berdasarkan huraian, dapat dirumuskan bahawa terdapat persamaan tujuan menggunakan strategi SLSH bagi pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Strategi SLSH digunakan untuk membaiki kesalahan bahasa yang terdapat dalam tugas dan seterusnya membantu meningkatkan kemahiran menulis. Walau bagaimanapun, pelajar cemerlang lebih menunjukkan sikap berdikari ketika membaiki kesalahan bahasa dalam tugasannya, berbanding dengan pelajar lemah yang meminta bantuan guru sekiranya tidak dapat mengenal pasti atau tidak tahu membaiki kesalahan

bahasa dalam tugas yang dibuat. Kepentingan strategi SLSH bagi pelajar cemerlang dan pelajar lemah dapat ditunjukkan berdasarkan contoh petikan temu bual yang berikut:

- Saya ada membuat sesuatu seperti menyemak semula apa yang tulis. Contohnya DDK saya akan membuat semula karangan-karangan telah saya tulis tetapi dengan menggunakan idea-idea yang lain. (PCL-1, DDK-KTS: 56–58)
- Contohnya DDK ketika saya membuat latihan tatabahasa, latihan-latihan karangan, latihan menjawab soalan petikan saya akan menyemak semula tulisan saya, menyemak semula apa yang telah saya jawab, membetulkan kembali struktur ayat, ejaan dan tulisan yang mungkin kurang jelas dan tulisan yang mungkin sudah untuk difahami. (PCP-1, DDK-KTs: 61–64)
- Selalunya saya menyemak semua benda sesuatu benda yang saya tulis itu sebelum menghantar ataupun menyerahkannya nanti kepada orang lain. Selalunya menyemak seperti mungkin ada ayat-ayat yang salah atau perkataan yang salah. Selalu benda-benda begini saya buat seperti DDK, DLK dan juga peperiksaan. (PLL-1, DDK-KTs: 42–45)
- Ada. Sebab kalau DDK kelas itu kalau yang salah itu saya akan betulkanlah. Ataupun bertanya pada cikgu ke ayat yang salah itu. Saya akan betulkan balik. (PLP-1, DDK-KTs: 33–34)

Untuk meningkatkan kemahiran menulis, pelajar cemerlang menggunakan pelbagai teknik menulis. Ini berdasarkan strategi GTTs atau menggunakan teknik bagi meningkatkan aspek penulisan. Tiga daripada empat pelajar cemerlang dilapor menggunakaninya, manakala semua pelajar lemah dilapor menggunakan SPB tersebut bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM. Bagi pelajar cemerlang, pelbagai teknik menulis digunakan ketika belajar BM di dalam kelas seperti banyak membuat nota ringkas, menyalin nota yang diberikan guru dan menyalin karangan terbaik yang dipinjam daripada rakan. Misalnya, teknik menyalin contoh karangan yang dibuat oleh rakan bukan sahaja meningkatkan kemahiran menulis, tetapi juga membantu pelajar cemerlang meniru cara rakan menulis karangan dengan baik. Bagi pelajar lemah pula, antara teknik menulis yang digunakan ialah melihat (menyalin) hasil penulisan rakan, menyalin apa yang dicakapkan guru, banyak membuat latihan penulisan dan menyalin nota yang diberikan guru. Misalnya, pelajar lemah melihat hasil penulisan karangan yang dibuat oleh rakan. Dengan cara ini, mereka dapat meniru

cara rakan menghasilkan karangan yang baik, menulis dengan cantik dan sebagainya. Tegasnya, dapat dirumuskan bahawa terdapat persamaan dari segi teknik menulis yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas. Dengan kata lain, teknik-teknik menulis yang digunakan ini banyak membantu pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika membuat latihan, terutamanya latihan menulis karangan di dalam kelas seperti yang dipaparkan dalam petikan temu bual yang berikut:

- Saya ada menggunakan teknik-teknik dalam meningkat KTS saya seperti DDK saya akan cuba membuat nota dan menyalin apa yang diucapkan oleh guru-guru saya. (PCL-2, DDK-KTs: 74–75)
- Contohnya DDK saya akan menyalin karangan yang baik ataupun yang boleh dijadikan contoh yang diperoleh daripada rakan-rakan. (PCP-2, DDK-KTs: 73–74)
- Teknik selalunya saya menggunakan teknik seperti saya melihat karangan atau penulisan orang lain yang lebih kemas. Jadi dari situ saya dapat melihat atau dapat meningkatkan KTS saya dengan melihat kekemasan tulisan dari orang lain. Selalunya saya gunakan teknik ini DDK, DLK dan peperiksaan tidak. (PLL-1, DDK-KTs: 62–65)
- Saya akan membuat ... kadang-kadang itu saya akan membuat latihan menulis panjang supaya tangan saya itu biasalah dengan kelajuan masa yang ditetapkan. (PLP-1, DDK-KTs: 48–49)

Selain menyemak latihan dan menggunakan pelbagai teknik menulis, peserta kajian juga dilaporkan banyak membuat latihan menulis di dalam kelas berdasarkan penggunaan strategi BBLTs. Strategi BBLTs atau banyak membuat latihan penulisan digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas. Bagi pelajar cemerlang, strategi BBLTs banyak digunakan seperti membuat latihan yang diberikan guru, menulis menggunakan ayat yang lengkap, menulis ayat dengan tatabahasa yang tepat, menggunakan pelbagai perbendaharaan kata ketika menulis, menyemak latihan sebelum menghantar kepada guru dan sebagainya. Dengan banyak membuat latihan penulisan, ia memudahkan mereka menghasilkan karangan, rumusan dan pemahaman yang baik. Bagi pelajar lemah pula, latihan menulis adalah seperti membuat latihan pemahaman dan tatabahasa. Dengan banyak membuat latihan menulis, ia membantu mereka membuat latihan dengan baik. Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak

membuat latihan menulis di dalam kelas berbanding dengan pelajar lemah dalam meningkatkan kemahiran menulis. Walau bagaimanapun, dari segi tujuan menggunakan strategi BBLTs, terdapat persamaan antara mereka, iaitu membantu pelajar cemerlang dan pelajar lemah menulis dengan baik ketika membuat latihan penulisan. Ini ditegaskan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah melalui petikan temu bual yang berikut:

- Aktiviti menulis yang banyak membantu meningkatkan KTS ketika belajar BM ialah contohnya DDK saya banyak menulis karangan-karangan dan rumusan juga tugas-tugas lain yang diberikan oleh guru. (PCL-1, DDK-KTs: 26–28)
- Strategi-strategi KTS yang saya gunakan ketika belajar BM ialah contohnya DDK saya menyiapkan latihan-latihan dan membuat soalan-soalan yang diberikan oleh guru agar saya dapat meningkatkan KTS saya. (PCP-1, DDK-KTs: 24–26)
- DDK ya, DLK ya dan peperiksaan tiada. Saya membuat pemahaman, menulis latihan pemahaman. (PLL-2, DDK-KTs: 60–61)
- Membuat karangan dan rumusan. Bila kita membuat karangan dan rumusan, kita banyak menulis. DDK buat karangan. (PLP-2, DDK-KTs; 19–20)

Ketika membuat latihan seperti karangan dan sebagainya, pelajar cemerlang dan pelajar lemah membuat perancangan terlebih dahulu. Antara perancangan yang dibuat termasuklah membuat rangka jawapan, mencatat isi-isi penting dan sebagainya. Ini dapat dilihat melalui penggunaan strategi BRSTs atau membuat rangka sebelum menulis. Bagi pelajar cemerlang, antara perancangan yang dibuat adalah dengan mencatat isi-isi penting dahulu sebelum menulis. Dengan mencatat isi-isi penting, mereka dapat merancang penulisan karangan dengan baik mengikut keutamaan isi tersebut. Demikian juga pelajar lemah yang mencatat isi-isi penting dahulu sebelum menulis karangan sebenar. Daripada huraian, jelas membuktikan bahawa pelajar cemerlang dan pelajar lemah sama-sama merancang sebelum menulis karangan di dalam kelas seperti mana yang dilaporkan oleh PCP-2 dan PLL-1 yang mewakili pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam temu bual yang berikut:

- Untuk memulakan sesuatu aktiviti penulisan, contohnya DDK saya akan memikirkan apa yang akan ditulis atau isi-isi yang dibincangkan DDK. (PCP-2, DDK-KTs: 30–31)

- Selalunya saya akan merancang terlebih dahulu mengenai apa yang patut saya buat seperti karangan. Selalunya saya merancang membuat isi-isi penting, pendahuluan, kesimpulan dan sebagainya. Selalunya saya buat benda ini DDK, ... (PLL-1, DDK-KTs: 26–28)

Demikian juga dengan strategi PMTTs, TsGAL, BLGB, TDP, DTKG, MGPT dan TGS. Kesemua SPB tersebut juga didapati sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran menulis. Misalnya, strategi PMTTs atau memperuntukkan masa meningkatkan aspek penulisan digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah supaya menulis dengan cantik. Strategi TsGAL atau menulis menggunakan ayat yang lengkap dilaporkan digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika membuat latihan yang diberikan guru. Strategi BLGB digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dapat membantu mereka membuat latihan menulis dengan baik. Begitu juga dengan strategi TDP atau menulis dengan pantas, DTKG atau mendengar dengan teliti kata guru dan TGS atau menulis menggunakan singkatan. Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa kesemua 12 SPB yang dilaporkan ini membantu pelajar cemerlang dan pelajar lemah meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas.

Selain SPB yang dilaporkan sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas, terdapat juga beberapa SPB yang dilaporkan hanya digunakan oleh pelajar cemerlang ataupun pelajar lemah sahaja. Sebagai contoh, pelajar cemerlang dilaporkan menggunakan sebanyak 14 SPB yang tidak digunakan oleh pelajar lemah. Bagi pelajar lemah pula, mereka dilaporkan menggunakan empat SPB yang tidak digunakan oleh pelajar cemerlang dalam meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas.

Bagi pelajar cemerlang, 14 SPB yang dilaporkan digunakan tersebut ialah strategi PBR, SNGB, BBTB, PBG, STC, GABTs, DTKR, TGPM, DTGA, ABAB, BRK, BDR, SKTR dan DAPB. Sebagai contoh, strategi PBR atau meminjam buku rakan seperti meminjam buku karangan yang dihasilkan oleh rakan untuk disalin. Strategi STC atau menyiapkan tugas dengan cepat di dalam kelas membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran menulis. Strategi ABAB atau mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa. Dengan kata lain, ketiga-tiga SPB yang dilaporkan ini dapat membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas. Ini ditegaskan melalui petikan temu bual SPB yang berikut:

**Contoh strategi PBR:**

- Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sesuatu strategi yang saya gunakan dalam KTS ialah contohnya DDK ... dan saya banyak meminjam buku-buku daripada rakan-rakan untuk mudah saya membuat soalan-soalan yang sesuai. (PCL-1, DDK-KTs: 92–95)

**Contoh strategi STC:**

- Aktiviti menulis yang membantu meningkatkan KTS saya ialah seperti DDK saya akan cuba menyiapkan kerja-kerja yang diberikan oleh guru saya. (PCL-2, DDK-KTs: 25–26)

**Contoh strategi ABAB:**

- Strategi KTS yang saya gunakan membantu meningkatkan KT saya. Contohnya apabila saya mengadakan aktiviti pembentangan DDK, KTS yang telah saya gunakan akan dipraktikkan untuk membentangkan apa yang saya tulis itu. (PCP-1, DDK-KTs: 122–124)
- Contohnya DDK, kami ada mengadakan pertandingan. Kami akan mencari contoh-contoh karya karangan yang baik untuk disalin. (PCP-2, DDK-KTs; 24–25)

Sementara SPB lain yang digunakan oleh pelajar cemerlang adalah seperti strategi SNGB atau menyalin nota juga membantu meningkatkan kemahiran menulis. Pelajar cemerlang juga menggunakan strategi BBTB atau membaca buku yang tinggi bahasanya supaya perkataan yang berkualiti ini boleh digunakan dalam penulisan karangan. Penggunaan alat bantu seperti komputer juga membantu meningkatkan kemahiran menulis pelajar cemerlang. Ini berdasarkan penggunaan strategi GABTs atau menggunakan alat bantu bagi meningkatkan aspek penulisan di dalam kelas. Demikian juga dengan strategi DTKR atau mendengar dengan teliti kata rakan, TGPM atau menulis menggunakan perkataan yang mudah difahami, DTGA atau mendengar dengan teliti guru mengajar, BRK atau banyak merujuk kamus, BDR atau berbincang dengan rakan dan DAPB atau mendengar aktiviti pertandingan bahasa. Dengan kata lain, kesemua 14 SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang ini banyak membantu mereka meningkatkan kemahiran menulis di samping kemahiran-kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran mendengar, bertutur dan membaca.

Bagi pelajar lemah pula, terdapat empat SPB yang dilaporkan digunakan, iaitu strategi TDC, BPBB, BDG dan BNR ketika di dalam kelas. Sebagai contoh, strategi TDC atau menulis dengan cantik digunakan oleh pelajar lemah seperti semasa menyalin nota. Strategi BNR atau membuat

nota ringkas digunakan oleh pelajar lemah dengan membuat ringkasan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Demikian juga dengan strategi BPBB atau membaca pelbagai bahan bacaan membantu pelajar lemah mengetahui pelbagai maklumat dan isi penting yang dapat digunakan dalam penulisan. Strategi BDG atau berbincang dengan guru membantu pelajar lemah mengetahui kesilapan ketika menulis dan dapat membaikinya. Keempat-empat SPB yang dilaporkan ini dapat membantu pelajar lemah meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas seperti yang terdapat dalam petikan temu bual bagi SPB yang berikut:

**Contoh strategi TDC:**

- Sebab mungkin sebelum saya menulis seperti mana orang kata cakar ayam. Mungkin saya menulis cara begitu dan saya rasa mungkin cara penulisan yang seperti begitu seperti cakar ayam mungkin saya rasa tidak dapat memahami sesuatu benda yang begitu. Jadi saya mengharapkan tulisan saya itu lebih baik daripada sebelum ini dengan berlatih menggunakan apa-apa, berlatih menulis dengan kemas. Selalunya saya mengharapkan penulisan yang baik yang lebih baik dari sebelum ini DDK ... (PLL-1, DDK-KTs: 32–37)

**Contoh strategi BNR:**

- Dengan kita membuat ringkasan tentang PK kita dapat semak kemudian. Kita dapat faham balik apa yang kita tidak faham. Contohnya DDK dengan cikgu. Apa yang cikgu beri latihan. (PLP-2, DDK-KTs: 77–78)

Kesimpulannya, secara perbandingan, terdapat perbezaan penggunaan SPB yang dilaporkan digunakan oleh pelajar cemerlang dan lemah ketika belajar BM di dalam kelas bagi meningkatkan kemahiran menulis. Pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak SPB berbanding dengan pelajar lemah dalam kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas. Terdapat juga beberapa SPB yang sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam meningkatkan kemahiran menulis.

## HURAIAN DAPATAN KAJIAN

### Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Kemahiran Membaca

Dapatkan kajian mendapati pelajar cemerlang menggunakan dua pola SPB yang tidak digunakan oleh pelajar lemah, iaitu mendengar dengan teliti

dan memperbanyak latih tubi. Pola mendengar dengan teliti melibatkan penggunaan strategi DTGA dan BPKB, manakala pola latih tubi merujuk penggunaan strategi BBK. Bagi pelajar lemah pula, terdapat satu pola, iaitu membuat persediaan awal digunakan oleh pelajar lemah melalui penggunaan strategi BBRP semasa di dalam kelas. Pola-pola SPB lain yang dilaporkan sama-sama digunakan oleh pelajar cemerlang dan lemah di dalam kelas adalah seperti pola bersikap positif dan gaya pembacaan.

Dapatkan kajian ini selari dengan beberapa kajian SPB yang mengkaji aspek kemahiran berbahasa ketika belajar bahasa. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd Isa, Zamri dan Jamaludin (2002), Zamri dan Mohamed Amin (2003a), serta Hamidah, Melor dan Norzaini (2002). Dapatkan kajian pengkaji juga bersamaan dengan dua kajian luar negara yang mengkaji SPB berdasarkan aspek kemahiran bahasa seperti Yang (1995) dan Kang (1997) yang melaporkan bahawa pelajar yang menguasai bahasa Inggeris menggunakan banyak kemahiran membaca yang melibatkan strategi metakognitif dan kognitif ketika belajar bahasa Inggeris semasa di dalam kelas. Dapatkan Kang ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Pickard (1995) yang mengkaji SPB ketika di dalam kelas yang mendapati kebanyakan pelajar cemerlang menggunakan banyak SPB ketika belajar bahasa Inggeris. Ini membuktikan bahawa pelajar cemerlang banyak menggunakan strategi kemahiran membaca yang melibatkan faktor kognitif dan metakognitif seperti menggunakan pelbagai teknik membaca, meminta guru atau rakan membantu cara pembacaan, membaca dengan nada dan intonasi yang betul, mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa seperti aktiviti membaca sajak dan sebagainya. SPB yang berkaitan dengan kemahiran membaca ini kurang digunakan atau disertai oleh pelajar lemah.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas. Pelajar cemerlang bukan sahaja menggunakan strategi yang berkaitan dengan kemahiran membaca secara langsung, bahkan juga strategi yang tidak berkaitan dengan kemahiran membaca. Ini termasuklah SPB yang dikelompokkan dalam pola penghayatan agama seperti strategi BAS dan BDSB. Penggunaan SPB yang berkaitan dengan penghayatan agama ini bersamaan dengan SPB yang dilaporkan dalam kajian Abu Talib (1998) dan Supian (2003) yang melaporkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan SPB berkaitan dengan aspek kerohanian ketika belajar BM di dalam kelas. Tegasnya, terdapat perbezaan strategi kemahiran membaca antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah. SPB pelajar cemerlang lebih rencam dan meliputi pelbagai

pola yang kurang diamalkan oleh pelajar lemah.

### **Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Kemahiran Menulis**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan pelbagai pola SPB berbanding dengan pelajar lemah bagi meningkatkan kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas. Misalnya, pelajar cemerlang menggunakan pola mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa bagi meningkatkan kemahiran menulis. Pola mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa digunakan berdasarkan penggunaan strategi ABAB dan DAPB yang membantu pelajar cemerlang meningkatkan kemahiran menulis ketika di dalam kelas. Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian SPB yang mengkaji aspek kemahiran berbahasa ketika belajar BM di dalam kelas. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002) serta Zamri dan Mohamed Amin (2003a).

Dapatan kajian ini juga bersamaan dengan dua kajian luar negara yang mengkaji SPB berdasarkan aspek kemahiran bahasa seperti Yang (1995) dan Kang (1997) yang melaporkan bahawa pelajar Korea yang dijadikan sampel kajian menggunakan banyak SPB dalam kemahiran menulis ketika belajar bahasa Inggeris. Antara strategi kemahiran menulis yang digunakan oleh pelajar cemerlang ialah SPB yang melibatkan strategi metakognitif dan kognitif berbanding dengan pelajar yang lemah bahasa Inggeris seperti menulis dengan cantik, menulis dengan pantas, menulis isi-isi penting, menggunakan pelbagai teknik menulis dan sebagainya. SPB demikian juga dilaporkan dalam kajian Oxford (1990), Green dan Oxford (1995), Abdallah Hussein (2002) dan beberapa lagi pengkaji Barat yang mendapati faktor kognitif dan metakognitif memberikan kesan positif kepada peningkatan pencapaian bahasa di kalangan pelajar.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas. Pelajar cemerlang juga menggunakan pelbagai strategi dalam meningkatkan kemahiran menulis jika dibandingkan dengan SPB yang digunakan oleh pelajar lemah. SPB dalam kemahiran menulis membantu pelajar cemerlang menulis dengan baik dalam setiap aktiviti dan latihan yang diberikan guru. Ini berbeza dengan pelajar lemah yang tidak banyak menggunakan strategi kemahiran menulis ketika belajar BM. Tegasnya, kepelbagai SPB dalam kemahiran menulis membolehkan pelajar cemerlang menguasai dan mempelajari BM dengan baik.

## KESIMPULAN

Kajian tentang SPB dalam pendidikan BM merupakan sesuatu yang baharu, terutamanya yang melibatkan kajian tentang kemahiran berbahasa. Berdasarkanuraiandapatkankajiandiatas,dapatdirumuskanbahawa terdapat perbezaan penguasaan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah ketika mempelajari BM berdasarkan aspek pembacaan dan penulisan seperti yang berikut:

- i. Pelajar cemerlang menggunakan banyak SPB berbanding dengan pelajar lemah dalam kemahiran membaca dan menulis.
- ii. Beberapa pola atau tema SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang tidak digunakan oleh pelajar lemah dalam menguasai sesuatu kemahiran berbahasa seperti pola aktiviti bahasa, dan penghayatan agama.
- iii. Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi yang berkaitan dengan kognitif dan metakognitif dalam menguasai sesuatu kemahiran berbahasa berbanding dengan pelajar lemah.
- iv. Kebanyakan SPB yang digunakan oleh pelajar lemah digunakan juga oleh pelajar cemerlang.

Tegasnya, kajian ini menyumbang kepada kajian seterusnya. Ini kerana kajian ini merupakan antara kajian awal yang mengkaji SPB di kalangan pelajar ketika belajar BM. Kajian-kajian selanjutnya boleh dijalankan dengan membandingkan penggunaan SPB antara jantina, kaum, lokasi sekolah, dari aspek lisan, ataupun memperluas skop kajiannya.

## RUJUKAN

- Abdallah Hussein El-Saleh El-Omari, 2002. "*Language Learning Strategies Employed by Jordanian Secondary School Students Learning English as a Foreign Language*". Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Talib Abdullah, 1998. "*Gaya dan Strategi Pemelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Daerah Johor Bahru*". Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alton-Lee, A., Nuthall, G. dan Patrick, J., 1993. "Reframing Classroom Research: A Lesson From The Private World Of Children" dlm. *Harvard Educational Review*, 63:1, hlm. 50–84.
- Azlin Mazniwati Mohamed Azhari, 2000. "*English Language Learning Strategy Used by Form 4 Students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru*

- Bangi, Selangor". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,*
- Bailey, K.D., 1978. *Methods of Social Research*. New York : The Free Press.
- Chamot, A.U., Beard El-Dinary, P. dan Robbins, J., 1999. *The Learning Strategies Handbook*. White Plains, New York: Addison Wesley.
- Che Suriyati Che Awang, 2000. "Language Learning Strategies Employed by University Students: A Preliminary Study". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W., 1994. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Cohen, J., 1960. "A Coefficient for Agreement for Nominal Scales" dlm. *Educational and Psychological Measurement*, hlm. 37–46.
- Descombe, M., 1998. *The Good Research Guide*. Buckingham: Open University Press.
- Donato, R. dan McCormick, D., 1994. "A Sosiocultural Perspective on Language Learning Strategies: The Role of Mediation" dlm. *Modern Language Journal*, 74:3.
- Ellis, R., 1994. *The Study of Second Language Acquisition*. London: Oxford University Press.
- Faizah Abdul Majid, 2004. "Adult Learners' Characteristics and Their Academic Reading Strategies : A Case Study". Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faizahani Ab. Rahman, 2002. "Strategies Employed by Good and Weak English Learners and Factors Affecting the Choice of Strategies". Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fleiss, J. L., 1981. *Statistical Methods for Rates and Proportions* (Edisi kedua). New York : John Wiley.
- Gardner, W., 1995. "On The Reliability of Sequential Data: Measurement, Meaning and Correction" dlm. Goffman, J.M. (ed.), *The Analysis of Change*. Mahwah, New Jersey: Erlbaum.
- Green, J.M., dan Oxford, R., 1995. "Learning Strategies Patterns of Use by Gender and Proficiency". Kertas kerja dalam 27th Annual TESOL Education, Atlanta.
- Hamidah Yamat, Melor Md. Yunus dan Norzaini Azman, 2002. "English Language Proficiency for Quality in Education: Are Our Students Ready?" Prosiding dalam *The International Conference on Education for All* hlm. 225–233. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kang, Dang-Ho, 1997. *Assessing Korean Middle School Students Language Learning Strategies in Input-Poor Environments*. EDRS. ED 413778.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan I – V*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*

- KBSM: Edisi Sekolah Bestari.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kvale, S., 1996. *Interviews : An Introduction to Qualitative Research Interviewing.* Thousand Oaks: Sage Publications.
- Landis, J., dan Kosh, G.G., 1977. "The Measurement of Observer Agreement for Categorical Data" dlm. *Biometrics*, 33:159–174.
- Larsen-Freeman, D., dan Long. M.H., 1991. *An Introduction to Second Language Acquisition Research.* London: Longman.
- Marshall, C., dan Rossman, G.B., 1989. *Designing Qualitative Research.* Newbury Park: Sage Publication.
- McCracken, G., 1988. *The Long Interview.* Newburry Park, CA: Sage Publications.
- Merriam, S.B., 1994. *Case Study Research in Education : A Qualitative Approach.* San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M.N., dan Hubberman, A.M., 1984. *Qualitative Data Analysis.* Beverly Hills, CA: Sage Publication.
- Mohamed Amin Embi, 1996. "Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students Learning English as a Foreign Language in Malaysia". Tesis Ph.D. School of Education, University of Leeds.
- Mohamed Amin Embi, Juriah Long dan Mohd Isa Hamzah, 1999. "Language Learning Strategies Used by Secondary School Students in Malaysia: A Preliminary Study". Laporan Akhir Penyelidikan G1/97. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi dan Abu Talib Abdullah, 1997. Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa: Implikasi terhadap Pendidikan Bahasa di Malaysia. Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI) ke-3. Anjuran Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18–19 November 1997.
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod dan Mohd Nazali Abu Bakar, 2001. "Pola Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu" dlm. *Journal of Language Teaching Linguistics & Literature*, 7 : 95–109.
- Mohamed Amin Embi, Mohd Isa Hamzah, Zamri Mahamod dan Jamaluddin Badusah, 2002. "E-LearnerTraining.Net: An Interative Online Model for Learning to Learn Language". Kertas kerja dalam *The Learning Conference* 2002, Beijing, China, 16–20 Julai 2002.
- Mohd Nazali Abu Bakar, 1999. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4: Satu Tinjauan". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazali Abu Bakar, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod, 1999. "Hubungan antara Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Pemboleh Ubah Jantina, Etnik, Pencapaian Bahasa dan Status Sosioekonomi Pelajar" dlm. *Jurnal Teknologi*, 31 (E) : 43–62.

- Mohd Tajuddin Hj. Abdul Rahman, 1996. "Penyelidikan pendidikan: Kontrak Sosial ke Arah Meningkatkan Martabat Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40: 694–401.
- Norzizah Yusof, 1999. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah di Seri Kembangan: Kaedah Temu Bual". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oxford, R., 1989. *The Role of Styles And Strategies in Second Language Learning*. ERIC, No. ED317087.
- Oxford, R., 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House / Harper & Row.
- Oxford, R., dan Crokall, D., 1989. "Research on Six Situational Language Learning Strategis: Methods, Findings and Instructional Issues" dlm. *Modern Language Journal*, 73:4, hlm. 404–419.
- Oxford, R., Nyikos, M., dan Erhman, M., 1988. "Vive La Difference? Reflections on Sex Differences in Use of Language Learning Strategies" dlm. *Foreign Language Annals*, 21 (4).
- Pickard, N., 1996. "Out of Class Language Learning Strategies" dlm. *ELT Journal*, 2:150–159.
- Politzer, R., 1983. "An Exploratory Study of Self Reported Language Learning Behaviors and Their Relation to Achievement" dlm. *Studies in Second Language Acquisition*, 6:54–68.
- Politzer, R., dan McGroarty, M., 1985. An exploratory study of learning behaviors and their relationships to gains in linguistic and communicative competence. *TESOL Quarterly*, 19:103–124.
- Rahani Yusof, 1999. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Dua Buah Sekolah Menengah di Sekinchan, Selangor : Satu Tinjauan Awal". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rigney, J.W., 1978. "Learning Strategies: A Theoretical Perspective" dlm. H.F.O'Neil, Jr. (ed.), *Learning strategies*. New York: Academic Press.
- Skehan, P., 1989. *Individual Differences in Second Language Learning*. London: Edward Arnold Inc.
- Supian Mohd Or, 2003. "Strategi Pemerolehan Ayat Satu Dasar". Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Yang, Nae-Dang, 1995. "Effective Awareness-Raising in Language Learning Strategy Training". Kertas kerja dalam The Annual Meeting of The Teachers of English Speakers of Other Language, Long Beach, California.
- Yin, R.K., 1994. *Case Study Research: Design and Methods* Edisi ke-2. Thousand Oaks : Sage Publications.
- Yong Zaharah Mohd Taridi, 1999. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Tiga Buah Sekolah Menengah di Kawasan Taiping, Perak : Satu Tinjauan Awal".

- Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahrah Mokhtar, 2002. "Amalan Pengurusan Pentadbir Akademik Universiti : Satu Kajian Kes". Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2000. "Pengenalpastian Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa sebagai Satu Cara Mengatasi Masalah Kepelbagaiannya Pelajar dalam Kelas Bahasa". Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2000, hlm: 13–26. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2001. "Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa: Metodologi, Dapatkan dan Agenda Masa Depan" dlm. *Language Reporter* hlm. 189–207. Penerbitan Pusat Bahasa, Universiti Teknologi Mara.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak dan Juriah Long, 2002. "Strategi Pembelajaran Bahasa dari Segi Jantina Pelajar Cemerlang : Satu Kajian Perbandingan" dalam *Proceeding of the International Conference on Education for All* hlm. 63–77. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2003a. "Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Sekolah Menengah" dlm. *Jurnal Bahasa*, 3:2, hlm. 263–319.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi, 2003b. "Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa untuk Menguasai Kemahiran Mendengar dan Bertutur" dlm. *VirTEC Journal*, 3:2, hlm. 43–65.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah dan Mohamed Amin Embi, 2003. "Memperkasakan Pembelajaran Pelajar melalui Kepelbagaiannya Strategi Pembelajaran Bahasa". Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan 2003. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak dan Juriah Long, 2002. "Strategi Pembelajaran Bahasa dari Segi Jantina Pelajar Cemerlang: Satu Kajian Perbandingan". Prosiding International Conference of Education For All, hlm. 63–77. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak dan Juriah Long, 2003. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Pemerhatian Kemahiran Lisan antara Pelajar Perempuan". Kertas kerja Persidangan Psikologi 2003, Langkawi, Kedah, 9–11 Mei 2003.
- Zamri Mahamod, 2004. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu antara Pelajar Melayu Sekolah Menengah". Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuriyati Haron, 1999. "Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4: Satu Tinjauan Awal". Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.